D.R. 6/2011

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2010 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

[ ]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (2010) 2011.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2010

2. Maka dengan ini dibenarkan pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi tiga belas bilion seratus tujuh puluh juta sembilan ratus sembilan puluh tujuh ribu enam ratus ringgit (RM13,170,997,600) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan tambahan untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2010 yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 2010 [*Akta A1361*].

JADUAL

Maksud	*Tajuk*	*Amaun* (RM)
B. 1	Parlimen	14,691,200
B. 4	Suruhanjaya Pilihan Raya	4,636,900
B. 5	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	412,300
B. 6	Jabatan Perdana Menteri	285,790,000
B. 7	Jabatan Perkhidmatan Awam	592,345,100
B. 8	Jabatan Peguam Negara	23,956,100
B. 9	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	1,215,300
B. 12	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	8,020,353,100
B. 20	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	324,000,000
B. 21	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	11,940,000
B. 22	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	20,998,000
B. 24	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	5,700,000
B. 25	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	356,690,000
B. 28	Kementerian Pengangkutan	87,349,000
B. 30	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	43,040,000
B. 32	Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar	20,000,000
B. 41	Kementerian Pelajaran	1,759,019,400
B. 42	Kementerian Kesihatan	1,007,900,000
B. 45	Kementerian Belia dan Sukan	10,000,000
B. 47	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan	5,000,000
B. 49	Kementerian Pengajian Tinggi	35,000,000
B. 60	Kementerian Pertahanan	47,710,200
B. 62	Kementerian Dalam Negeri	493,251,000
	JUMLAH	13,170,997,600

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebanyak tiga belas bilion seratus tujuh puluh juta sembilan ratus sembilan puluh tujuh ribu enam ratus ringgit (RM13,170,997,600) untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2010.

[PN(U^2)2206]